

FPSK Menang Anugerah Platinum E- Learning UMS

Terakhir dikemaskini: Jumaat, 14 Disember 2018 12:56 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 279

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



JUMAAT, 14 DISEMBER - Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini berjaya merangkul anugerah Platinum untuk pencapaian *Blended Learning* peringkat UMS.

Penyampaian anugerah diadakan pada Majlis Anugerah E-Learning UMS yang berlangsung di Galeri, Bangunan Canselori.

Timbalan Dekan Akademik merangkap Penasihat Jawatankuasa *Blended Learning* FPSK, Dr. Firdaus Kadir berkata, kejayaan itu adalah hasil kerjasama padu daripada semua kakitangan akademik fakulti.

“Kita juga berterima kasih kepada Dr. Chin Kai Ling selaku penyelaras di

peringkat fakulti kerana telah menjalankan tanggungjawab dengan begitu baik sekali sekali gus membolehkan FPSK menerima pengiktirafan ini,” katanya.

Sementara itu, Dekan FPSK, Prof. Dr. Mohamad Saffree Jeffree berkata, kejayaan tersebut sejajar dengan usaha fakulti menyahut cabaran dalam Bidang Keberhasilan Utama UMS (UMS-KRA) terutama dalam UMS-KRA 1 dan UMS-KRA 9.

“Yang mana kita mahu sama-sama mempertingkatkan kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran serta sentiasa seiring dan giat dalam transformasi ke arah universiti industri 4.0.

“Semoga kejayaan meraih anugerah pada kali ini akan dapat diterjemahkan dalam pelbagai lagi pencapaian pada masa akan datang,” katanya. -SS

Sumber: Hasmi Hashim, FPSK

